



MT TITLIS

12 HARI 9 MALAM JELAJAH EROPAH 6 NEGARA

London - Bicester - Paris - Brussels - Amsterdam - Zaanse Schans - Cologne - Frankfurt - Titiisee - Rhine Falls - Zurich - Lucerne - Mt. Titlis

HARGA FIESTA

ALL-IN
RM **7,990**

WARGA EMAS

ALL-IN
RM **7,890**



MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei
Musim Panas Jun - Ogos
Musim Luruh September - November
Musim Sejuk Disember - Februari



MATAWANG

Euro 1 € = RM4.78
Pound 1 £ = RM5.37
Swiss Franc 1 CHF = RM4.08



PERBEZAAN WAKTU

Germany : -7 JAM
United Kingdom : -8 JAM
Belgium : -7 JAM
France : -7 JAM
Switzerland : -7 JAM
Netherlands : -7 JAM



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
LONDON	2	Ibis London Wembley / setaraf
PARIS	2	Hotel Campanile / setaraf
AMSTERDAM	2	Ibis Schipol / setaraf
FRANKFURT	1	Leonardo Frankfurt City / setaraf
ZURICH	2	Olympia Zurich / setaraf

ATOMIUM



HARI 1 KUALA LUMPUR - MUSCAT

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke London melalui Muscat.

HARI 2 MUSCAT - LONDON - BICESTER



Setibanya di Lapangan Terbang Heathrow London, tetamu akan dibawa membeli-belah di **Bicester Village** yang menempatkan pelbagai jenama barangan terkenal seperti Dior, Dolce & Gabbana, Prada dan Swarovski pada harga diskaun yang cukup menakjubkan. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 3 LONDON



Sarapan pagi di hotel dan memulakan lawatan di kota London ke **Buckingham Palace**, istana kediaman rasmi Ratu England di mana tetamu berpeluang melihat upacara pertukaran pengawal. Berjalan melalui **London City Hall** suatu kawasan yang unik dan terbaik untuk melihat pemandangan dan mengambil foto muzium kapal **HMS Belfast**, jambatan menara terkenal **Tower Bridge** yang boleh dinaikkan untuk membenarkan kapal melepasi dan **Tower of London**, istana yang menyimpan takhta dan permaisuri mahkota Ratu England. Melawat **Westminster Abbey**, gereja yang menyaksikan perkahwinan epik Putera William dan Kate Middleton, **House of Parliament** yang menempatkan sejarah dan kisah politik, serta lukisan dan karya seni yang mengagumkan. Seterusnya tetamu akan dibawa ke ikon kota London iaitu **Big Ben** (atau nama rasminya Elizabeth Tower), iaitu menara jam yang dibina pada 1859, **Trafalgar Square**, dataran yang dinamakan sempena kemenangan tentera laut British dalam Perang Napoleon, dan melepasi **Downing Street** yang dikawal rapi, di mana terletak kediaman dan pejabat rasmi Perdana Menteri UK. Selesai lawatan di kota London, tetamu akan dibawa bersolat di **London Central Mosque**. Masa bebas untuk bersiar-siar di **Oxford Street** yang mempunyai lebih 300 kedai di sepanjang jalan seperti Adidas, Primark, Dr. Martens dan sebagainya. Makan malam dan pulang ke hotel.

HARI 4 LONDON - DOVER - CALAIS - PARIS



Setelah sarapan pagi di hotel, bertolak ke pelabuhan Dover untuk menaiki feri ke Calais, Perancis merentasi Selat Inggeris. Tiba di Calais, bertolak ke **Paris** dengan perjalanan kira-kira 4 jam 30 minit. Setibanya di Paris, tetamu akan dibawa membeli-belah di **Galeries Lafayette**, syurga pakaian dan hub fesyen haute couture dengan struktur kubah dan binaannya yang moden dan memukau. Selesai membeli-belah, tetamu makan malam sebelum daftar masuk hotel.

HARI 5 PARIS



Sarapan di hotel dan memulakan lawatan di kota metropolitan kedua terbesar di Eropah ini dengan **Notre-Dame Cathedral**, salah satu gereja terkenal di seantero dunia dengan seni bina Gothic Perancis yang sangat halus. Seterusnya tetamu akan dibawa melihat **Louvre Museum**, muzium paling besar di dunia yang terkenal dengan rekabentuk piramid kaca, **Les Invalides**, di mana makam Napoleon Bonaparte disimpan, **Palais Garnier** iaitu Opera House yang pernah digunakan sebagai lokasi penggambaran filem *The Phantom of The Opera*, dan tidak terkecuali **Arc de Triomphe**, yang terletak di hujung barat Champs-Elysees sebagai penghormatan kepada mereka yang berjuang sewaktu Perang Napoleon. Melawat **Place de la Concorde**, dataran dengan struktur binaan bercirikan gaya Louis Quinze, dan taman terbuka **Trocadero Square** yang merupakan tempat terbaik untuk mengambil gambar **Eiffel Tower** sebelum bergambar di Eiffel Tower (tiket tidak termasuk dalam pakej) yang dibina pada tahun 1889 World's Fair setinggi 324m. Bersolat di **Grand Mosque Paris** sebelum aktiviti bebas di **Avenue des Champs-Elysees** di mana tetamu boleh bersiar-siar di jalan yang dianggap tercantik di dunia atau membeli-belah di butik mewah seperti Louis Vuitton, Mont-Blanc dan Sephora. Makan malam dan pulang ke hotel.

HARI 6 PARIS - BRUSSELS - AMSTERDAM



Selepas bersarapan, tetamu bertolak menuju ke ibu kota Belgium yang terkenal dengan coklat, **Brussels** dengan perjalanan mengambil masa kira-kira 3 jam. Sejurus tiba di Brussel, tetamu akan dibawa melawat **Atomium**, sebuah menara yang mempunyai 9 sfera yang dihubungkan berbentuk seniit atom, **Grand Place**, dataran tercantik di Eropah yang dikelilingi oleh Dewan Bandar, Balai Kota Brussel dan Maison du Roi (Rumah Roti), serta ikon terpenting kota Brussels **Manneken Pis**, iaitu arca seorang kanak-kanak lelaki yang membuang air kecil ke dalam kolam air pancut. Selesai lawatan di Brussel, bertolak ke **Amsterdam**, makan malam dan daftar masuk hotel.

HARI 7 AMSTERDAM - ZAAANSE SCHANS



Tetamu menikmati sarapan pagi di hotel. Lawatan dimulakan dengan **Zaanse Schans**, kawasan perkampungan lama di utara Holland. Ia adalah lokasi kincir angin yang sinonim dengan ikon negara Belanda dan rumah-rumah lama dari kurun ke 18 dan 19 yang dipulihara dan dikekalkan ciri-ciri antiknya. Tetamu berpeluang merasai pelbagai jenis keju antara yang terbaik di dunia di **Catharina Hoeve Cheese Farm**, Bakery Museum yang masih beroperasi dan menghasilkan produk berasaskan pastrri dan **Clog Workshop** iaitu bengkel membuat terompah kayu yang popular di Belanda selama 700 tahun. Pulang ke Amsterdam dan singgah di **Fatih Mosque** untuk menaikan solat, sebelum menuju ke **Gassan Diamonds** di mana tetamu akan diterangkan mengenai proses penghasilan berlian. Seterusnya, rasai pengalaman unik

menaiki **Canal Cruise** menyusuri terusan di Amsterdam dan melihat rumah bot, bangunan bersejarah dan tinggalan benteng pertahanan dari Zaman Pertengahan. Acara bebas di **Damrak Square** di mana tetamu boleh berfoto di hadapan **Royal Palace**, salah satu daripada tiga istana di Belanda yang pernah didiami oleh Raja Louis Bonaparte dan **National Monument** iaitu tugu peringatan yang dibina sempena Perang Dunia Kedua, bersiar-bersiar di kawasan sekitar atau membeli-belah di **Kalverstraat** sebelum makan malam di restoran dan pulang ke hotel.


HARI 8
AMSTERDAM - COLOGNE - FRANKFURT  SP/MM

Selepas bersarapan, tetamu berangkat ke **Cologne**, bandar tertua di Jerman dengan perjalanan mengambil masa kira-kira 3 jam 30 minit. Tiba di Cologne, tetamu akan melawat **Cologne Cathedral** iaitu gereja Roman Katolik dengan seni bina Gothic. Kemudian, tetamu akan dibawa menunaikan solat di masjid yang terbesar di Eropah, **Cologne Central Mosque** yang baru sahaja siap pada tahun 2017 sebelum bertolak ke **Frankfurt**. Di sana nanti, tetamu akan dibawa melawat mercu tanda popular di sekitar dataran **Romerberg**. Tetamu akan berpeluang untuk berfoto di **The Romer** iaitu dewan bandaraya yang telah wujud sejak tahun 1405 lagi dan pernah menjadi istana singgah Raja Bavaria zaman dahulukala, **St. Paul Church** iaitu sebuah gereja yang pernah menjadi lokasi parlimen Jerman pertama kali bersidang selepas era Perang Dunia ke-2, jambatan **Bridge of Sigh** yang dibina seperti jambatan asal di Venice dan juga **Fountain of Justice**, kawasan kolam air pancur yang pernah menjadi lokasi di mana Raja Bavaria menjalankan percabaran. Makan malam dan daftar masuk hotel.

HARI 9
FRANKFURT - TITISEE - RHINE FALLS - ZURICH  SP/MM

Sarapan di hotel dan bertolak menuju ke **Titisee** yang terletak di kawasan pergunungan **Black Forest**. Sejurus tiba di sana, tetamu akan melawat **Drubba Cuckoo Clock** di mana tetamu berpeluang melihat demonstrasi proses pembuatan jam kayu ikonik ini dan juga membelinya. Selain itu, pemandangan **Tasik Titisee** di sini cukup indah. Bertolak ke **Schaffhausen**, kota di utara Switzerland untuk melawat kawasan air terjun terbesar di Eropah iaitu **Rhine Falls** yang setinggi 75 kaki dan dianggarkan berusia 15,000 tahun. Tetamu pastinya tidak akan melepaskan peluang menikmati pemandangan air terjun

selebar 150m ini yang dikelilingi dengan bangunan **Worth Castle** dan **Laufen Castle** di sekitarnya. Bertolak ke **Zurich**, bandar terbesar di Switzerland dan makan malam sebelum daftar masuk hotel.

HARI 10
ZURICH - LUCERNE - MT. TITILIS  SP/MM

Tetamu bersarapan pagi di hotel. Bertolak ke **Lucerne** untuk melawat **Lion Monument** atau dikenali dengan gelaran **Lion of Lucerne**, yang merupakan singa yang diukir di atas batu untuk memperingati tentera Swiss yang terbunuh semasa Revolusi Perancis dan **Chapel Bridge**, mercu tanda utama Lucerne iaitu jambatan pejalan kaki yang terbina daripada kayu dan mempunyai lukisan di siling yang seawal dari kurun ke-17. Masa bebas untuk membeli-belah di **Bucherer**, butik terkenal yang menjual pelbagai jam tangan terkenal di dunia terutamanya **Rolex** dan jam buatan Swiss, dan juga membeli-belah barangan coklat dan cenderamata seperti **Swiss Army Knives** di butik **Casa Grande**. Kemudian, tetamu akan dibawa menuju ke **Stesen Kereta Kabel Engelberg** untuk merasai pengalaman di puncak **Mt. Titlis** yang diliputi salji sepanjang tahun. Tetamu bebas berpeluang untuk berfoto, menaiki **Cliff Walk** jambatan gantung tertinggi di Eropah dan menerokai **Glacier Cave** yang memukau. Bertolak pulang ke **Zurich** untuk makan malam di restoran dan kemudian pulang ke hotel.


HARI 11
ZURICH - MUSCAT  SP

Sarapan pagi di hotel dan acara bebas sebelum kembali ke **Zurich**. Melawat **Zurich Opera House**, salah satu rumah opera terbaik di dunia yang beroperasi sejak 1891, melihat pemandangan bandar **Zurich** dari **Quai Bridge** yang menyeberangi Sungai **Limmat** dan **The Stadthaus Zurich** (Town Hall), dewan bandar bercirikan neo-Gothic yang dibina pada akhir kurun ke-19. Acara bebas di **Zurich HB** dan **Bahnhofstrasse** iaitu jalan utama pusat bandar yang dikelilingi kedai-kedai dan butik-butik berjenama seperti **Chanel**, **Hermès**, **Tiffany and Co.**, **H&M** dan lain-lain. Seterusnya bergerak menuju ke Lapangan Terbang **Zurich** untuk penerbangan pulang ke **Kuala Lumpur**.


HARI 12
MUSCAT - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa **Kuala Lumpur (KLIA)**.



 **26, 28 Ogos**
7, 9, 13 Sep 2019

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 8,490	RM 10,990	RM 7,890	RM 7,190	RM 6,490
Warga Emas	RM 8,290	RM 10,790			
FIESTA	RM 7,990	RM 10,490	RM 7,390	RM 6,690	RM 5,990
Warga Emas	RM 7,890	RM 10,390			

 **25, 28 Nov**
5, 11, 26 Dis 2019

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 8,690	RM 10,590	RM 7,990	RM 7,290	RM 6,690
Warga Emas	RM 8,490	RM 10,390			
FIESTA	RM 7,990	RM 9,890	RM 7,290	RM 6,590	RM 5,990
Warga Emas	RM 7,890	RM 9,790			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	WY 824	K. LUMPUR - MUSCAT	2120	0005 + 1
02	WY 103	MUSCAT - LONDON	0120	0630
11	WY 154	ZURICH - MUSCAT	2155	0640 + 1
12	WY 823	MUSCAT - K. LUMPUR	0835	1945

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Elaun Bagasi (check in) 30kg sehala dan Bagasi Kabin 7kg.
- Hotel penginapan bertaraf 3* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) di London, Paris, Amsterdam, Frankfurt dan Zurich.
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Amsterdam Canal Cruise dan kereta kabel Mt. Titlis.
- Pengangkutan kapal persiaran dari Dover ke Calais.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.

Pakej Tidak Termasuk

- Tiket menaiki ke Eiffel Tower.
- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

